

NO SOALAN :15**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)****PERTANYAAN : BERTULIS**

Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keperluan penambahan Pusat Transformasi Bandar (UTC) yang dilihat produk kemudahan pelbagai perkhidmatan kepada rakyat bertaraf dunia sejak inisiatif itu dimulakan pada 2012.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Pusat Transformasi Bandar (UTC) merupakan salah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bertujuan menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar.

Pada masa ini, terdapat 18 UTC di seluruh negara yang sedang beroperasi. Terdapat dua UTC yang sedang dalam pembinaan iaitu

UTC Perlis dan UTC Negeri Sembilan. Seterusnya, penubuhan UTC akan diteruskan di Selangor dan Pulau Pinang iaitu negeri negeri yang masih belum mempunyai UTC.

Memandangkan UTC mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan statistik pelanggan seramai 47.1 juta (2012 hingga April 2017) telah menerima perkhidmatan di UTC, pembinaan UTC akan diteruskan di bandar-bandar berkepadatan penduduk yang tinggi pada masa akan datang tertakluk kepada peruntukan yang mencukupi.